

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober/November 1994

BPT 481/4 - Prinsip Kawalan Penyakit Tumbuhan

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

(BPT 481/4)

1. Dengan menggunakan contoh yang sesuai, huraikan sejarah dan masa depan fungisid dari segi perumusan, cara menggunakan, struktur kimia dan mod tindakannya.

(20 markah)

2. Apakah nasihat yang akan anda berikan kepada petani jika ia sudah mengalami masalah ketahanan (kerintangan) kulat patogen terhadap sejenis fungisid di ladangnya?

(20 markah)

3. Sebelum anda menanam sesuatu jenis tanaman di atas tapak pertanian yang agak luas, huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan serangan patogen terhadap tanaman tersebut berada di bawah aras yang minimum.

(20 markah)

4. Bincangkan peranan antagonis yang menghasilkan antibiotik dan siderofor dalam hal kesihatan tumbuhan.

(20 markah)

(BPT 481/4)

5. Tuliskan nota tentang:

- (a) Hipokevirulenan
- (b) Kulat sebagai agen kawalan biologi nematod
- (c) Aktiviti karantina di rantau ASEAN

(20 markah)

6. Huraikan pelbagai mekanisme aktif dan pasif yang terlibat dalam ketahanan (kerintangan) penyakit.

(20 markah)

-ooo0ooo-